

ALAH

Ramai rakyat Malaysia tidak tahu,
ambil ringan penyakit elergi dan imun

RISIKO MAUT

B/Mingguan 29/4/12 MS 6.

Oleh Suzan Ahmad
suzan@bharian.com.my

TANGGAPAN bahawa perkembangan penyakit berkaitan alahan dan imunologi seperti Primary Immunodeficiencies (PI) sebagai kes terpinggir dan jarang dihidapi seharusnya dikikis bukan saja di kalangan masyarakat malah pihak berkuasa.

Kebanyakan kes diagnosis PI adalah di kalangan kanak-kanak berusia kurang setahun. Bagaimanapun, bentuk PI yang kurang serius tidak dapat dikesan sehinggalah penghidap lebih dewasa.

Presiden Persatuan Alahan dan Imunologi Malaysia (MSAI), Dr Amir Hamzah Abdul Latiff, berkata PI bersifat warisan selain berpunca daripada kecacatan genetik dalam sistem imun.

"Ini menyebabkan penghidap mudah mendapat pelbagai jenis jangkitan yang menjejaskan kulit, telinga, paru-paru, usus dan organ lain tubuh," katanya kepada *Sihat*.

Dr Amir Hamzah berkata, jangkitan yang dialami pula bersifat kronik, berterusan,

perlu dibentuk dan digerakkan segera bagi mengawal dan menguruskan penghidap PI ke paras optimum.

Berikutan usaha berterusan MyPin menyuarakan kebimbangan mengenai penularan penyakit ini dilihat gagal meraih perhatian pihak berkaitan, Minggu PI Sedunia dianjurkan di Kuala Lumpur mulai 22 April lalu dan dijangka berakhir, hari ini.

Program ini antara lain menyeru pengamal perubatan untuk menyedarkan masyarakat mengenai bahaya PI serta membantu mereka menjalankan diagnosis bagi membolehkan rawatan cepat, tepat dan berkesan diberi. Kesedaran klinikal dan prosedur diagnosis yang lebih baik selain menyedarkan umum mengenai penyakit ini sangat penting kerana PI boleh disembuhkan.

Sementara itu, Perunding Alahan Pediatrik dan Dewasa di Hospital Gleneagles, Dr Kent Woo Chee Keen berkata, ramai yang menyangka mereka mempunyai penyakit alahan terutama membabitkan saluran udara, tetapi sebenarnya masalah imun.



berulang dan dalam sesetengah kes membawa maut.

"Dalam satu kajian beberapa tahun lalu, kadar tersebar luas penyakit ini dianggarkan 1 dalam 1,200 orang. Malah, laporan kajian yang dikendalikan Malaysian Primary Immunodeficiency Network atau MyPin mendapati daripada sejumlah kanak-kanak yang berkemungkinan menghidap PI, 30 peratus daripada mereka disahkan menghidap penyakit ini," katanya kepada Sihat.

Dr Amir Hamzah berkata, sehingga kini Malaysia hanya mampu mengesan dua peratus saja daripada penghidap PI dan ini bermakna, ramai ibu bapa yang tidak tahu anak mereka menderita penyakit ini.

Beliau berkata, peningkatan jumlah kes menunjukkan PI bukan penyakit luar biasa di mana pakar klinikal dan perkhidmatan diagnostik

"Dua perkara penting yang perlu saya tegaskan ialah sesiapa yang mendapat serangan resdung atau sinus dua kali atau lebih dalam masa setahun yang memerlukan dua atau lebih jenis antibiotik setahun, ia adalah satu tanda amaran bahawa anda menghadapi masalah kecacatan imun atau PI.

"Satu lagi amaran jelas adalah apabila anda sering berulang alik ke hospital sekitar empat kali atau lebih setahun, memerlukan antibiotik dan mengalami radang paru-paru, anda berkemungkinan mengalami PI," katanya.

Dr Kent berkata, sama juga dengan persepsi terhadap asma atau semput. Ramai yang menyangka ia adalah penyakit padahal asma adalah gejala kepada penyakit alahan. Sehubungan itu, amat penting bagi individu yang mengalami asma menjalani ujian dan






“
Dalam satu kajian beberapa tahun lalu, kadar tersebar luas penyakit ini dianggarkan 1 dalam 1,200 orang. Malah, laporan kajian yang dikendalikan Malaysian Primary Immunodeficiency Network atau MyPin mendapati daripada sejumlah kanak-kanak yang berkemungkinan menghidap PI, 30 peratus daripada mereka disahkan menghidap penyakit ini”

Dr Amir Hamzah Abdul Latiff
Presiden Persatuan Alahan dan Imunologi Malaysia (MSAI)

Normal

Asma
Bronkial



CARI PENAWAR LEPAS 20 TAHUN DERITA ASMA

B/Menggu 22/4/12 MS 4

DILAHIRKAN dalam keluarga besar, pesakit yang hanya mahu dikenali sebagai Zakaria, 40, sedar penyakit asma yang dihidapinya sejak kecil lagi. Anak bongsu daripada sebelas adik beradik ini mengakui, asma yang dihidapinya diwarisi berikutan semua adik beradik mengalaminya.

"Ibu saya seorang penghidap asma yang tidak serius. Namun, takdir Tuhan, ia diwarisi semua anaknya. Cuma tahap serius yang kami alami berbeza mengikut ketahanan diri masing-masing," kata anak kelahiran Felda Gedangsa, Hulu Selangor ini.

Cerita Zakaria, ada beberapa tabiatnya sejak kecil yang mencetus kepada gejala asma yang dihidapinya. Ketika berusia enam tahun, kerani pentadbiran di sebuah agensi kerajaan ini mengakui

buruk yang mula diamalkan sejak di sekolah menengah lagi.

"Keadaan ini berlarutan sehingga usia mencecah 40 tahun apabila saya dan keluarga dikejutkan dengan kematian salah seorang abang saya akibat komplikasi asma pada usia 46 tahun," katanya.

Kematian abangnya itu menjadi tamparan hebat kepada Zakaria.

"Kehilangan abang banyak menyedarkan kami mengenai amalan gaya hidup tidak sihat termasuk pengurusan gejala asma yang tidak teratur," katanya.

Zakaria berkata, selepas diserang asma yang teruk selama tiga minggu, beliau berjumpa pakar.

"Saya tergerak untuk berjumpa pakar bagi melakukan

ujian dan membuat penilaian rawatan dan ubat-ubatan yang sesuai dengan saya.

"Terbukti selepas menggunakan asma dengan alat sedutan kostikosteroid secara rutin, tiada lagi hidung berair, bersin dan selsema yang sering dialami sejak 20 tahun lalu. Sedikit demi sedikit saya juga mula berhenti merokok dan berjaya melakukannya," katanya.

Kini Zakaria mula merasakan hidupnya lebih sihat dan cergas.

"Malah saya kembali melakukan aktiviti riadah seperti berjoging dan bermain badminton tanpa masalah. Ternyata sasaran untuk mengurangkan gejala asma menggunakan ubatan mengembalikan rutin saya kepada kehidupan yang normal dan aktif," katanya.



Sesiapa yang mendapat serangan resdung atau sinus dua kali atau lebih dalam masa setahun yang memerlukan dua atau lebih jenis antibiotik setahun, ia adalah satu tanda amaran bahawa anda menghadapi masalah kecacatan imun atau PI"

Dr Kent Woo Chee Keen
Perunding Alahan Pediatrik dan Dewasa di Hospital Gleneagles

mengalami asma tidak tahu mereka menghidap penyakit itu. Asma datang dalam pelbagai bentuk termasuk asma yang berpunca daripada alahan, tanpa alahan dan cara kerja.

Dengan penilaian dan diagnosis yang tepat asma boleh diurus dan dirawat. Antara rawatan paling berkesan adalah dalam bentuk sedutan kortikosteroid. Sedutan steroid mampu mengawal salur udara yang mengalami keradangan yang menjadi punca kepada asma.

Keberkesanan sedutan steroid disesuaikan dengan betapa serius dan tahap kawalan pesakit. Bagaimanapun, kaedah terbaik untuk mengawal asma adalah dengan terapi imun.

suasana kampung yang sejuk dan nyaman membuatkan beliau gemar tidur tanpa baju dan sukakan minuman sejuk.

"Beberapa tahun kemudian saya mula bersin setiap kali bangun pagi dan hidung sering berair dan meleleh. Kemudian saya sering batuk dan keadaan ini berulang beberapa kali sebulan. Sehingga pada suatu hari, saya batuk teruk sehingga dada mula terasa sempit dan nafas berdehit.

"Sejak itu, saya sering berulang alik ke hospital untuk mendapatkan rawatan ubat-ubatan seperti pil setiap kali diserang asma yang teruk," katanya.

Zakaria mengakui ketika berusia awal 20-an, beliau pernah menggunakan alat sedutan asma Bentolin untuk menguruskan asma tetapi kaedah itu juga tidak kekal.

"Setiap kali pulih, saya akan melupakan alat sedutan itu. Malah, saya juga berubah menjadi perokok tegar, tabiat

